Mangsa simbah asid bedah mata

Kosmo 21/10/2011 MS 2.

Oleh NOR IDAYU BOSRO
idayu.bosro@kosmo.com.my

SHAFIQ HAIKAL (kiri) dan Shafiq Aiman selepas selamat menjalani pembedahan mata di HKL, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR – Dua beradik yang mengalami kecederaan parah selepas menjadi mangsa simbahan asid oleh seorang lelaki di Felda Ketumbar Jengka 9, Maran pada 19 Julai lalu selamat menjalani pembedahan mata di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini semalam.

Kedua-dua beradik itu, Shafiq Haikal Mat Safar Zaidi, 13, dan Shafiq Aiman, 10, menjalani pembedahan tersebut yang bermula pada pukul 9 pagi dan memakan masa selama tujuh jam.

Ibu kepada dua beradik itu, Norhashimah Julaili Mansur, 44, memberitahu, tujuan pembedahan tersebut bagi membolehkan mata kedua-dua anaknya dapat dipejam secara normal.

"Sebelum dibedah, mereka tidak boleh memejam mata kerana kelopak mata mereka mengalami kerosakan.

"Jadi, melalui pembedahan tersebut, doktor ambil kulit pada bahagian belakang cuping telinga untuk dijadikan kelopak mata baharu bagi memudahkan mata mereka ditutup dan dibuka," jelasnya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Dua mangsa simbahan asid ingin ke sekolah

KEADAAN Shafiq Aiman (atas) dan Syafiq Haikal (bawah) ketika dirawat di HKL semalam.

KERATAN *Kosmo!* 23 Julai 2011.

Dalam kejadian pada 19 Julai lalu, dua beradik itu mengalami kecederaan parah apabila disimbah cuka getah oleh seorang pekerja ladang yang juga jiran mangsa ketika dalam perjalanan ke rumah kawan mereka di Felda Ketumbar Jengka 9, Maran, Pahang.

Mereka yang mengalami kecederaan di beberapa bahagian badan termasuk muka, mata dan badan itu telah menjalani lapan kali pembedahan termasuk tampalan kulit baharu pada bahagian muka sejak dimasukkan ke HKL pada Julai lalu.

Mengulas lanjut mengenai pembedahan itu, dia berkata, Shafiq Haikal menjalani pembedahan pada mata kiri manakala adiknya, Shafiq Aiman menjalani pembedahan mata sebelah kanan.

Norhashimah memberitahu, kedua-dua anaknya itu akan menjalani pembedahan seterusnya bagi memulihkan bahagian kulit pada bahagian leher yang sebelum ini melecur teruk akibat simbahan asid.

"Pembedahan itu bagaimanapun hanya boleh dijalankan selepas bahagian kulit pada bahagian lain yang akan digunakan untuk menampal bahagian leher yang melecur itu matang kerana bahagian kulit itu juga telah digunakan untuk menampal bahagian badan lain yang melecur," ujarnya.